

11/01/1997

Pembantu rumah buat rayuan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pembantu rumah Filipina yang mendakwa bekas Duta Croatia di sini merogolnya, membuat rayuan kepada Peguam Negara supaya menyemak semula kesnya yang ditutup kerana tidak cukup bukti.

Maria Fe T Ocampo, 27, yang tempoh visanya dijangka berakhir Isnin ini, membuat rayuan itu melalui peguamnya, Karpal Singh, dalam sidang akhbar di sini hari ini. Permit kerjanya pula dijangka tamat pada 7 April.

Karpal berkata, beliau dimaklumkan oleh Ibu Pejabat Polis Bukit Aman melalui surat bertarikh 31 Disember lalu, Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara menutup kes itu kerana tidak cukup bukti untuk meneruskan kes terhadap duta berkenaan, yang sudah meninggalkan negara ini.

"Kes ini tidak sepatutnya ditutup kerana Maria mendakwa mempunyai bukti untuk mendakwa duta itu dan menjadi haknya untuk menuntut keadilan melalui perbicaraan yang adil dalam sistem perundangan negara ini."

"Mangsa juga sudah menghantar surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir supaya campur tangan dalam kes ini kerana ia membabitkan nama baik Malaysia," katanya.

Turut hadir dalam di sidang akhbar itu ialah ibu Maria, Saturnina M Talistic, 47. Sebelum ini, Maria mendakwa Duta Croatia, Kresimir Zridaric, merogolnya empat kali antara 11 April hingga 23 Ogos tahun lalu di kediamannya di Lot 3063, Jalan Pimping Kanan, Ukay Heights, Ampang.

Maria juga mendakwa duta itu mencabul kehormatannya di dapur rumahnya pada 5 September tahun lalu, kira-kira 9.15 pagi dan kejadian itu disaksikan sendiri oleh ibunya yang ketika itu bekerja di Kedutaan Croatia.

Zridaric sudah digugurkan daripada jawatan sebagai duta besar Croatia ke sini dan dipanggil pulang ke negara asalnya.

(END)